

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MCA YANG KE-44

TEMPAT: DEWAN SAN CHOON, WISMA MCA JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR

TARIKH: 30 AUG 1997

MASA:

1. Saya ucapkan terima kasih kepada Presiden parti MCA Dato Seri Dr. Ling Liong Sik dan semua anggota Jawatankuasa Pusat Parti MCA kerana sekali lagi sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang ke-44 pada hari ini.

2. Tahun ini amat bererti bagi kita semua kerana esok negara kita akan genap berusia 40 tahun. Sudah 40 tahun kita merdeka. Saya percaya semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum akan merayakan Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan ini dengan penuh rasa insaf, bangga dan megah.

3. Nyata sekali, selama 40 tahun rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum, Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Murut dan lain-lain yang mempunyai pelbagai kepercayaan seperti agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian, telah dapat hidup dan maju bersama-sama tanpa menghadapi banyak masalah sesama mereka atau menimbulkan banyak masalah kepada negara. Kecuali peristiwa 13 Mei 1969 yang telah menghitamkan sedikit sejarah gemilang negara kita, rakyat kita memang hidup harmonis, saling bekerjasama dan penuh bertoleransi.

4. Sebagai Perdana Menteri, sudah tentu saya berasa gembira kerana rakyat negara ini hidup aman, maju dan makmur. Saya juga gembira melihat negara kita terus membangun dengan pesat. Kita harap keadaan sejahtera dan makmur ini akan berterusan bukan sahaja setakat generasi kita yang ada sekarang malah untuk generasi akan datang. Kita mahu nikmat kemerdekaan yang kita perolehi sekarang akan juga berterusan. Kita mahu keamanan, kemakmuran dan kemajuan rakyat dan negara kita berterusan sehingga ke alaf baru atau 'the next millennium'.

5. Bagi memastikan cita-cita kita tercapai dan masa depan generasi baru dan negara kita terus terjamin, kita hendaklah sama-sama sentiasa memperingati diri kita dan generasi muda akan pentingnya sikap toleransi, sensitif dan hormat-menghormati antara satu kaum dengan kaum-kaum yang lain. Di samping itu, kita perlu meningkatkan lagi azam dan semangat patriotik kita untuk berbakti kepada negara. Kita hendaklah melipatgandakan lagi usaha untuk

membawa negara ke tahap kemajuan yang lebih tinggi sehingga ditakrif sebagai negara maju.

6. Rakyat negara ini sungguh bernasib baik. Walaupun Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum, budaya dan agama, tetapi kita tidak tumpukan kepada perbezaan-perbezaan di antara kita. Sebaliknya kita fokus kepada persamaan antara kita dan menggunakan persamaan ini sebaik-baiknya untuk menjayakan diri dan negara. Ini berlainan dengan beberapa negara lain yang mempunyai keadaan yang sama tetapi penumpuan adalah kepada kepentingan kaum masing-masing sehingga kepentingan negara diabaikan. Dengan itu, rusuhan kaum sering berlaku dan pembangunan negara terjejas. Dalam rusuhan-rusuhan ini tidak ada siapa yang menang. Sebaliknya apa yang dituntut akhirnya hancur lebur menjadi abu yang tidak berguna kepada sesiapa, pihak yang menang atau pihak yang kalah. Nasib negara-negara ini perlu dijadikan pengajaran kepada kita.

7. Saya telah berkali-kali menyatakan bahawa di Malaysia tidak ada siapa yang puas hati dengan hak atau apa-apa yang dituntut oleh mereka. Tiap kaum di Malaysia mesti sanggup berkorban sedikit hak mereka, kerana pihak lain juga menuntut hak yang sama dan mereka juga tidak akan dapat semua. Jika kita sanggup berkorban dan akui bahawa orang lain juga terpaksa berkorban, dan kerana itu negara kita aman dan makmur, kita, daripada segi 'absolute' akan mendapat semua yang kita menuntut. Yang dimaksudkan di sini ialah keamanan dan kemakmuran akan membesarkan bahagian kita dan bahagian yang kita dapat ini mungkin lebih besar daripada yang kita dapat 100 peratus tetapi saiznya kecil sahaja. "It is better to get a small portion of a big cake than to get all of a tiny one."

8. "That is what is happening in Malaysia. Because we work together we are able to develop this country to such an extent that our portion is much bigger than the whole of a small disputed piece".

9. Selama 40 tahun kita merdeka kita telah sama-sama berusaha untuk membangunkan negara kita, memberi kehidupan yang bahagia kepada semua rakyat, terutama mereka yang miskin. Demikian kadar kemiskinan yang pada tahun 1970 adalah sebanyak lebih kurang 50 peratus telah dapat dikurangkan kepada tujuh peratus sahaja pada hari ini.

10. Kita percaya dan mengamalkan demokrasi dan sistem ekonomi pasaran. Kita buka negara kita kepada pelabur asing supaya mereka juga boleh dapat keuntungan daripada kemajuan ekonomi kita. Kita percaya kepada dasar tolong-menolong, dasar 'prosper- thy-neighbour' dan kita berusaha untuk menolong jiran-jiran kita dengan memberi latihan dan melabur di negara mereka.

11. Malangnya pelabur asing dari negara tertentu yang tidak pernah mendirikan apa-apa industri di negara kita tetapi hanya berminat untuk main pasaran saham tidak kenal budi. Setelah mendapat keuntungan sekian lama daripada kemajuan negara kita, mereka sekarang cuba meruntuhkan ekonomi negara kita dengan menyerang ringgit kita dan pasaran saham kita.

12. Kegiatan mereka meraih keuntungan sudah melenyapkan lebih 250 ribu juta ringgit dari pasaran modal kita dan mengurangkan kekayaan kita sebanyak sepuluh peratus. Jika pada 1996 pendapatan per kapita seseorang sudah meningkat kepada AS\$4,600, sekarang ia telah turun kepada AS\$4,200. Hutang negara kita pula dalam matawang asing telah naik sepuluh peratus atau lebih.

13. Inikah pasaran bebas dan dunia tanpa sempadan yang dilaung-laungkan? Orang yang tamak dari negara yang kaya boleh menyamun dari negara dan orang miskin atas nama pasaran bebas. Bagi mereka yang sering melaungkan keadilan dan `fairplay`, hak asasi manusia yang menentang kononnya `the exploitation of man by man`, yang begitu mengambil berat tentang nasib buruk pekerja dan orang miskin kita, mereka ini, orang ini, tidak segan-segan menyamun duit orang miskin. Bagi mereka `stealing candy from a child` adalah hak yang halal kerana pasaran mesti terbuka. Sekiranya pasaran tidak dibuka, ianya bermakna kita tidak menerima norma-norma perhubungan antarabangsa.

14. Pasaran terbuka dan Dagangan bebas adalah agama bagi mereka. Walaupun kita dimusnahkan kerana pasaran terbuka dan dagangan bebas, kita mesti amalkan dagangan bebas juga. Jika kita menolak pasaran terbuka dan dagangan bebas, tindakan akan diambil untuk merosakkan negara kita. Demikian keadilan zaman moden, zaman `borderless world` dan `free market`.

15. Buat beberapa tahun mereka telah mendakwa kita tidak boleh mengekalkan pertumbuhan tinggi kita. Tetapi kita terus mencatat pertumbuhan yang tinggi. Kemudian mereka memberi amaran bahawa kita akan mengalami `overheating` kerana terlalu banyak projek mega. Namun kita meneruskan juga projek-projek kita dan sambil itu terus tumbuh pada paras yang tinggi. Tidak nampak bahawa kita akan `slow-down`. Demikian juga negara-negara Asia Tenggara yang lain.

16. Hari ini mereka tentu gembira melihat ekonomi negara-negara Asia Tenggara termasuk negara kita menghadapi masalah dan kemerosotan. Bahawa mereka yang menyebabkan kemerosotan ini tidak sedikit pun memalukan mereka. Yang penting ialah ramalan mereka sudah menjadi kenyataan hari ini. Mereka menafikan bahawa ada konspirasi oleh mereka untuk merosakkan ekonomi negara-negara membangun di Asia Tenggara. Tetapi sama ada

konspirasi atau tidak, hakikatnya ialah spekulasi yang tidak bertanggungjawab oleh merekalah yang menyebabkan ekonomi negara-negara ini merosot.

17. Semua yang berlaku kepada kita membuktikan bahawa dunia tanpa sempadan atau 'borderless world' boleh menjadi hutan liar yang penuh dengan binatang buas. Kita tidak dapat menutup sempadan negara kita dan kita tahu bahawa kita adalah makhluk yang kecil dan lemah. Tetapi kata perpatah Melayu "Tak boleh tanduk, telinga dipulas" atau "If we cannot break the horns we will tweak the ears". "We will learn to live in this jungle and we will develop the skills to handle the wild beasts which roam inside it."

18. Dalam menghadapi masalah kewangan dan pasaran saham kita semua perlu bersatu hati dan bertindak bersama. Kita mesti bekerja lebih kuat supaya kita menjadi lebih produktif. Janganlah kita menyertai kegiatan mencari keuntungan daripada masalah yang dihadapi oleh negara. Sebaliknya kita semua patut menolong memulihkan ekonomi kita. Apabila harga saham menurun kita harus membeli dan tidak menjual. Ingatlah kejatuhan harga saham akan menghapuskan modal kita sendiri. Demikian juga dengan ringgit, janganlah kita turut 'speculate' dan tolong menurunkan nilai ringgit kita. Jika nilai ringgit turun, kita semua tetap akan menjadi mangsa.

19. Membangunkan ekonomi sebuah negara bukanlah mudah. Dan ia lebih sukar lagi di sebuah negara seperti Malaysia di mana kita bukan sahaja perlu membangunkan ekonomi, tetapi perlu juga menentukan kekayaan diagih secara adil antara masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum. Tetapi kita telah berjaya dan berjaya lebih daripada negara yang tidak menghadapi masalah kaum seperti kita. Walaupun kita menghadapi masalah sekarang kita tidak boleh kecewa. Sebaliknya kita harus menganggap masalah ini sebagai satu cabaran, satu 'challenge' yang akan memberi pelajaran kepada kita, pelajaran yang akan menguatkan kita.

20. Yang penting ialah dalam usaha mengatasi masalah ekonomi, negara kita perlu terus mempunyai kestabilan politik. Lebih daripada masa-masa lain, kita perlu menentukan negara kita stabil. Kestabilan negara ini bergantung secara eksklusif kepada Barisan Nasional dan parti-parti komponennya. Parti-parti dalam Barisan Nasional mestilah menentukan mereka kukuh dan stabil dan setiap parti perlu memberi sokongan kuat kepada konsep Barisan Nasional dan perhubungan sesama kita. Walau apapun yang menyerang kita, selagi Barisan Nasional kuat, mempunyai majoriti yang besar, kita akan dapat mengatasi masalah berkenaan.

21. Kita harus ingat bahawa kita baru merdeka 40 tahun sahaja. Tempoh ini terlalu singkat untuk mendirikan tembok yang boleh melindungi kita daripada serangan

negara maju yang ganas. Kita masih memerlukan banyak tahun lagi untuk mengukuhkan ketahanan negara kita. Kita masih perlu berusaha dengan gigih untuk meningkatkan martabat, maruah dan kemajuan negara kita. Dan kita masih perlu melengkapkan diri lagi untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita pada zaman akan datang.

22. Dengan harapan setiap anggota parti MCA dan setiap rakyat kita insaf akan perjuangan kita yang belum selesai untuk menyelamatkan dan memajukan negara, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA yang ke-44 hari ini.